

## ISLAM SEBAGAI SATU AGAMA

Muhammad Fateh Mior Ahmad Ridzuan  
Syed Mohd Khairudeen Syed Abd Aziz  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Ahmad Ridzuan, M. F., Syed Abd Aziz, S. M. K., & Jasmi, K. A. (2012). Islam Sebagai Satu Agama in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 163-173. ISBN 978-967-0194-19-6.

### Abstrak

Perbahasan kertas kerja ini menceritakan tentang makna-makna Islam dari segi bahasa dan istilah. Pendapat-pendapat ulama tentang makna Islam. Selain itu, perbahasan ini menekankan aspek yang terdapat dalam Islam dalam usaha untuk terus memantapkan keimanan dan ketakwaan pada Allah S.W.T. Di awal perbahasan ini menceritakan tentang bagaimana Islam turun kepada Nabi Muhammad s.a.w. Dan bagaimana Islam boleh berkembang ke seluruh) persada arab hasil daripada kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w. serta dengan bantuan sahabat baginda yang terdekat. Di samping itu juga, ulasan tentang straregi dakwah Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyebarkan Islam ke seluruh Mekah turut diceritakan dalam perbahasan ini. Dalam menyebarkan Islam, Nabi Muhammad dan pengikunya selalu ditentang sehingga meletus peperangan. Antaranya ialah perang badar di mana orang Islam hanya berjumlah 313 orang manakala orang kafir Quraisy berjumlah lebih kurang 1000 orang. Dalam perbahasan ini, kupasan demi kupasan tentang keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. terhadap keluarga, sahabat dan orang ramai dinyatakan. Baginda sentiasa menjaga perilakunya terhadap sesiapa sahaja termasuk musuh. Serba sedikit tentang kerajaan Umayyah yang terbentuk selepas kejatuhan khulafa' rashidin dan juga kerajaan Abbasiah yang terbentuk selepas jatuhnya kerajaan Umayyah juga diselitkan seiring perbahasan ini ditulis.

# ISLAM SEBAGAI SATU AGAMA

Muhammad Fateh Mior Ahmad Ridzuan  
Syed Mohd Khairudeen Syed Abd Aziz  
Kamarul Azmi Jasmi

## ABSTRAK

*Perbahasan kertas kerja ini menceritakan tentang makna-makna Islam dari segi bahasa dan istilah. Pendapat-pendapat ulama tentang makna Islam. Selain itu, perbahasan ini menekankan aspek yang terdapat dalam islam dalam usaha untuk terus memantapkan keimanan dan ketakwaan pada Allah S.W.T. Di awal perbahasan ini menceritakan tentang bagaimana Islam turun kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan bagaimana Islam boleh berkembang ke seluruh persada arab hasil daripada kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w. serta dengan bantuan sahabat baginda yang terdekat. Di samping itu juga, ulasan tentang strategi dakwah Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyebarkan Islam ke seluruh Mekah turut diceritakan dalam perbahasan ini. Dalam menyebarkan Islam, Nabi Muhammad dan pengikutnya selalu ditentang sehingga meletus peperangan. Antaranya ialah perang badar di mana orang Islam hanya berjumlah 313 orang manakala orang kafir quraisy berjumlah lebih kurang 1000 orang. Dalam perbahasan ini, kupasan demi kupasan tentang keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. terhadap keluarga, sahabat dan orang ramai dinyatakan. Baginda sentiasa menjaga perilakunya terhadap sesiapa sahaja termasuk musuh. Serba sedikit tentang kerajaan Umayyah yang terbentuk selepas kejatuhan khulafa' rashidin dan juga kerajaan Abbasiyah yang terbentuk selepas jatuhnya kerajaan Umayyah juga diselitkan seiring perbahasan ini ditulis.*

## PENDAHULUAN

Islam jika ditinjau dari segi bahasanya memiliki beberapa pengertian. Pertama, Islam berasal daripada perkataan 'salm' (السلام) yang bermaksud damai. Allah berfirman:

وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١١﴾

Maksud: "Dan jika mereka condong kepada perdamaian, maka condonglah kepadanya dan bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

(Surah al-Anfal, 8:61)

Berdasarkan daripada ayat al-Quran ini, Islam sentiasa menerapkan nilai perdamaian dalam diri setiap manusia. Islam amat menjunjung tinggi sifat perdamaian dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, Islam membenarkan kaum muslimin berperang jika diperangi oleh musuh-musuh. Allah berfirman dalam al-Quran:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلِمُوا وَإِنْ اللَّهُ عَلَىٰ نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

Maksud: diizinkan (berperang) bagi orang-orang yang diperangi, karena sesungguhnya mereka dianiaya. Dan sesungguhnya Allah, benar-benar Maha Kuasa menolong mereka itu.

(Surah al-Hajj, 22:39)

Kedua, Islam bererti menyerah yang berasal daripada perkataan 'aslama' (أسلم) Berdasarkan daripada maksud ayat ini, seseorang muslim yang memeluk Islam hendaklah menyerahkan segala jiwa dan raganya kepada Allah dan rasulnya. Hal ini bermaksud mereka hendaklah melakukan segala suruhan yang diperintahkan kepadanya dan meninggalkan segala larangannya.

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Maksud: *"Katakanlah: "Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.*

(Surah *al-An'am*, 6:162)

Ketiga, Islam berasal daripada perkataan 'saliim' (سليم) yang bermaksud bersih dan suci. Allah berfirman dalam al-Quran:

إِذْ جَاءَ رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٤﴾

Maksud: *Kecuali orang-orang yang menghadap Allah dengan hati yang bersih.*

(Surah *al-Saffat*, 37:84)

Berdasarkan ayat ini, ia jelas menunjukkan bahawa Islam merupakan agama yang bersih dan suci yang boleh menjadikan pemeluknya memiliki jiwa dan hati yang bersih (Azhar Jaafar, 2008).

## PERKARA YANG DIAJARKAN DALAM ISLAM

Islam mengajar manusia bahawa agama adalah lumrah dalam kehidupan manusia. Seseorang yang dihidupkan sebagai manusia hendaklah mengambil berat tentang agamanya kerana agamalah yang akan membentuk keperibadian diri. Tanpa agama, seseorang itu akan melakukan apa sahaja yang dikehendakinya tanpa memikirkan kesan sampingan daripada apa yang dilakukan. Setiap manusia yang memeluk Islam hendaklah mengucap dua kalimah syahadah sebagai bukti keIslamannya (Hassan al-Moubarak, 2002 ):

*"Aku naik saksi bahawa tiada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, dan aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah"*

Selepas melafazkan kalimah ini dengan niat dan hati yang ikhlas, seseorang itu secara automatik memeluk agama Islam. Sebagai umat Islam, seseorang itu hendaklah meletakkan seluruh jiwa dan raganya terhadap Allah dan rasulnya supaya tidak terhasut dengan hasutan

syaitan. Seseorang muslim juga hendaklah wajib mempercayai dan beriman dengan rukun iman dan rukun Islam. Rukun iman itu ialah:

- (1) Beriman kepada Allah S.W.T.
- (2) Beriman kepada Malaikat
- (3) Beriman kepada Kitab-kitab
- (4) Beriman kepada para Rasul
- (5) Beriman kepada hari kiamat
- (6) Beriman kepada Qada dan Qadar

Manakala Rukun Islam pula terdiri daripada lima perkara yang tuma, iaitu:

- (1) Mengucap dua kalimah syahadah
- (2) Menunaikan solat lima waktu
- (3) Menunaikan ibadah puasa
- (4) Menunaikan ibadah zakat
- (5) Menunaikan ibadah haji

Jika seseorang muslim itu beriman dengan sepenuh hatinya kepada rukun iman dan rukun Islam. InsyaAllah dia akan dimasukkan ke dalam syurga Allah S.W.T. Jika seseorang itu tidak percaya terhadap salah satu daripada rukun iman, maka kafirlah ia (Azhar Zainal, 2009; Abdul Wahid Md Raji Ali, 2004 )

## **PERMULAAN ISLAM**

Islam merupakan agama yang diturunkan sejak dari 1400 tahun dahulu. Islam diturunkan melalui perantaraan antara Malaikat Jibril dan juga Nabi Muhammad s.a.w. Ia diturunkan dalam bentuk wahyu Allah di mana para nabi dan para rasul sahaja yang layak menerima wahyu tersebut. Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan dalam keadaan yatim piatu. Ibu baginda, iaitu Aminah binti Wahab meninggal dunia selepas nabi dilahirkan. Ayahnya pula Abdullah bin Abdul Mutalib meninggal dunia ketika nabi masih lagi dalam kandungan. Baginda

disusukan oleh Halimatus Sa'diah dan kemudian dijaga oleh bapa saudaranya, iaitu Abu Talib. Islam bermula pada tahun 610 masihi apabila Nabi Muhammad menerima wahyu pertama ketika baginda bersendirian dalam Gua Hiraq bermunajat kepada Allah. Baginda didatangi oleh Malaikat Jibril dan Malaikat Jibril menyuruh baginda membaca daripada sepetik ayat al-Quran yang diturunkan oleh Allah, iaitu surah al-'Alaq yang bermaksud:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ

Maksud: *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan.*

(Surah al-'Alaq, 96:1)

Peristiwa tersebut merupakan titik permulaan kepada bermulanya penyebaran Islam. Surah al-'Alaq ialah surah pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. Berdasarkan ayat pertama daripada surah al-'Alaq, Allah memberitahu kita sekalian manusia betapa pentingnya membaca disamping mengingati Allah. Setiap ayat dalam surah-surah yang terkandung dalam al-Quran mengandungi makna yang amat mendalam jika dikaji dengan teliti. Allah menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad secara beransur-ansur supaya mudah bagi baginda Muhammad s.a.w. untuk menyampaikan wahyu baginda kepada orang ramai (Masoud Kheirabadi, 2005).

## DAKWAH

Nabi Muhammad s.a.w. memulakan dakwah baginda dengan menyebarkan agama Islam kepada kaum kerabatnya yang terdekat antaranya Khadijah, iaitu isteri baginda, Abu Bakar As-Siddiq, Ali bin Abi Talib dan sahabat-sahabat baginda. Baginda melakukan sedemikian kerana takut diketahui oleh orang kafir Quraish mekah yang mengikut pegangan agama nanek moyang mereka. Baginda bimbang bahawa ajaran baru yang baginda cuba bawakan ini ditentang keras oleh golongan kafir Quraish.

Baginda berdakwah di Mekah secara sulit selama 3 tahun. Selepas agama Islam mula diterima oleh orang ramai, baginda melakukan dakwah

secara terang-terangan, iaitu selama 20 tahun. Selepas gologan kafir Quraish mengetahui bahawa agama Islam tersebar luas di seluruh Mekah, baginda mendapat tentangan keras terutama sekali oleh bapa saudara baginda, iaitu Abu Jahal. Keluarga baginda dicaci, dipulau dan dihina oleh seluruh penduduk Mekah. Namun begitu, baginda tetap tabah dengan segala cacian yang dilakukan oleh penduduk Mekah terhadap baginda. Golongan kafir Quraish menjadi semakin gusar apabila mengetahui makin ramai yang memeluk Islam dan semakin takut apabila mengetahui dua orang pahlawan hebat Mekah, iaitu Umar al-Khattab dan juga Saidina Hamzah, iaitu bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w. turut memeluk Islam. Umar al-Khattab mengisytiharkan keIslamannya dihadapan kota Mekah (Seyyed Hossein Nasr, 2002)

## **PEPERANGAN**

Perang Badar merupakan pertempuran penting dalam sejarah awal Islam dan merupakan perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabat baginda dalam menentang pihak lawannya di kalangan kafir Quraish. Peperangan tersebut berlaku pada tarikh 17 Mac 624M bersamaan dengan 17 Ramadan 2H di Hijaz. Pertempuran ini berjaya dimenangi oleh umat Islam hasil daripada kebijaksanaan Nabi Muhammad s.a.w. dan hasil daripada bantuan oleh Allah S.W.T. Nabi Muhammad memilih tempat yang bernama Badar sebagai tempat untuk berperang menghadapi kaum kafir. Nabi memilih kawasan tersebut kerana terdapat perigi yang membolehkan seluruh kaum muslimin supaya tidak kehausan. Jika difikirkan secara logik akal, mustahil untuk tentera Islam memenangi pertarungan tersebut kerana jumlah tentera Islam yang hanya 313 orang tentera sahaja berbanding dengan tentera kafir yang berjumlah lebih kurang 1000 orang. Namun begitu, tentera Islam mampu untuk memenangi pertarungan tersebut kerana mempunyai semangat jihad yang tinggi dan ingin mengejar syahid (Abdul Latip Talib, 2010 )

## **KEPERIBADIAN NABI MUHAMMAD S.A.W.**

Jumlah penduduk Mekah yang memeluk Islam semakin bertambah dari semasa ke semasa. Kebanyakan daripada mereka tertarik dengan

apa yang ada dalam agama Islam dan tertarik dengan keperibadian Nabi Muhammad s.a.w. Baginda bukan sahaja tampan dari segi paras rupa malah memiliki akhlak yang terpuji serta kebijaksanaan yang luar biasa. Wajahnya berseri-seri umpama bulan purnama, tingginya tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu pendek, badannya bidang, rambutnya sentiasa disisir rapi antara lurus dan gelombang dan panjangnya hingga ke tepi telinganya, hidungnya mancung, kedua-dua belah matanya hitam, kedua pipinya halus dan lembut, giginya jarang-jarang dan putih berseri, berbadan besar dan tegap, kulitnya bersih dari hujung rambut hingga ke hujung kaki dan kelihatannya baginda lebih sering menghadap bumi daripada menghadap langit.

Dari segi kebiasaannya pula, Rasulullah s.a.w. kelihatannya seperti orang yang selalu bersedih dan senantiasa berfikir. Baginda tidak pernah pula beristirahat panjang, tidak berbicara bila tiada keperluan untuk bicara, selalu diam, kata-katanya umpama mutiara di lautan, lemah lembutnya dalam perbualan, tidak terlalu kasar dan tidak pula menghina diri sendiri, sentiasa membesarkan nikmat yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. walaupun hanya sedikit, tidak pernah mencela nikmat yang diberikan ataupun terlalu memujinya dan tidak ada seorang pun yang boleh meredakan marahnya jika sesuatu kebenaran dihina sehingga baginda membela kebenaran itu semula. Ada hadis meriwayatkan bahawa apabila sesuatu kebenaran itu dihina, tiada siapa yang boleh melebihi marahnya. Baginda tidak pernah marah untuk membela dirinya. Perasaan marah baginda timbul hanya apabila sesuatu kebenaran itu dihina atau dipalsukan. (Muhammad 'Ali al-Hashimi, 2007)

Baginda juga memiliki akhlak yang terpuji dan disenangi oleh semua orang. Baginda dipanggil dengan pelbagai gelaran salah satu daripada ialah *al-amin* yang bermaksud yang dipercayai. Sifatnya yang sentiasa jujur dalam apa-apa perkara membuatkan penduduk Mekah memanggil baginda dengan gelaran al-amin. Baginda tidak pernah menipu dalam apa-apa jua keadaan walaupun kecil. Ketika di rumah pula, baginda membahagikan masa kepada tiga bahagian. Satu bahagian khusus untuk Allah S.W.T., satu bahagian untuk isteri-isterinya dan anak-anak, dan satu lagi bahagian untuk dirinya. Baginda akan menghabiskan masa untuk



dirinya dengan urusan di antara manusia dengan melayani semua orang awam. Tiada seorang pun yang tidak mendapat layanan daripada baginda.

Selepas kewafatan baginda Muhammad s.a.w., Perjuangan baginda disambung oleh empat orang khulafa' al-Rashidin, iaitu Abu Bakar As-Siddiq, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan dan juga Ali bin Abi Talib. Selepas kematian Ali bin Abi Talib, Berlaku perebutan kuasa untuk menentukan siapa yang bakal menggantikan tempat Saidina Ali. Pada mulanya umat Islam melantik Saidina Husin kerana baginda adalah cucu Rasulullah s.a.w. Tetapi Saidina Husin menolak dan akhirnya mereka melantik Muawiyah bin Abi Sufian (Karen Armstrong, 2001)

## **DEMOKRASI DALAM ISLAM**

Islam merupakan sebuah agama yang adil dalam semua aspek tidak kira yang kecil mahupun yang besar. Sistem demokrasi dalam agama Islam merupakan sistem yang teradil dan terunggul berbanding dengan sistem demokrasi agama lain. Dari segi kepimpinan, negara Islam dipimpin oleh Khalifah, iaitu ketua bagi sesebuah negara Islam. Setiap rakyat hendaklah mentaati khalifah tersebut jika beliau menjalankan pemerintahan negara berdasarkan al-Quran dan As-Sunnah. Jika pemerintah bertindak kejam dan tidak mengikuti ajaran yang diajar dalam al-Quran dan As-Sunnah, wajib hukumnya untuk menjatuhkan pemimpin tersebut. Allah akan mengurniakan nikmat kepada negara Islam yang pemimpin dan rakyatnya sentiasa berpegang teguh kepada al-Quran dan As-Sunnah. Sebagai contoh ketika zaman Saidina Umar Abdul Aziz, tiada seorang pun yang layak untuk menerima zakat kerana semua rakyatnya berada dalam keadaan yang senang. Begitulah nikmat yang dikurniakan oleh Allah terhadap negara yang mengikuti ajaran Islam dengan sempurna.

Dalam Islam, semua manusia di layan sama rata sama ada yang kaya mahupun yang miskin. Jika orang kaya melakukan kesalahan, orang kaya tersebut akan di denda mengikut undang-undang yang ditetapkan sama juga seperti orang miskin. Allah memandang semua manusia sama di sisi-Nya. Perkara yang membezakan antara seseorang muslim dengan muslim yang lain hanyalah amal ibadat yang dia lakukan. Sekiranya

banyak amal ibadat yang dilakukan maka tinggilah darjatnya di sisi Allah (Sayyid Abul A'Ala Maududi, 1997)

## **KHALIFAH UMAYYAH**

Kerajaan ini muncul selepas kejatuhan kerajaan Khulafa al-Rasyidin. Kerajaan ini ditubuhkan oleh Muawiyyah bin Abi Sufian. Nama Umayyah berasal daripada nama moyang, iaitu Muawiyyah bin Abi Sufian bin Bani Umayyah. Pengasa kerajaan ini berpusat di Syam. Beliau merupakan seorang pembesar dan hartawan Quraisy yang dihormati semasa di zaman jahiliyyah. Muawiyyah memerintah kerajaan ini berasaskan al-Quran menyebabkan kelicinan semasa mentadbir. Selain itu, keluarga Nabi Muhammad s.a.w. sentiasa dihormati. Sistem pemilihan khalifah selepas Muawiyyah ialah melalui system syura. Terdapat tiga fasa yang berlaku semasa kerajaan ini memerintah, iaitu Zaman Kelahiran, Zaman Kemajuan dan Zaman Kejatuhan (Mohd Nor Mohd, 2009 )

Antara sumbangan kerajaan ini kepada tamadun Islam ialah perkembangan dalam bidang ketenteraan. Pemerintah mengemaskini anggota tentera dengan meniru corak ketenteraan Parsi. Pasukan tentera dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu Pasukan Hadapan, Sayap Kiri, Sayap Kanan, Pasukan Teras dan Pasukan Belakang. Selain itu, pasukan tentera diatur dengan terancang dan dibekalkan kelengkapan alat peperangan yang canggih. Askar dilatih semasa musim panas dan sejuk bagi menghadapi tentara Rom dari Eropah.

Dari segi pendidikan pula, kerajaan ini menjadikan Basrah sebagai pusat keilmuan. pemerintah sangat menitikberatkan ilmu pengetahuan. Semasa pemerintahan Khalifah Abdul Malek bin Marwan dan Umar bin Abd Aziz merupakan ulama yang alim dalam pelbagai bidang seperti al-Quran, tafsir, hadis dan nahu. Kegiatan penulisan, pembukuan, dan pembinaan perpustakaan semakin rancak ketika ini dan melahirkan tokoh penulisan seperti al-tadwin. Urusan kerajaan dijalankan dalam bahasa Arab dan bahasa pengantar juga dalam bahasa syurga itu. Perkembangan ilmu membawa banyak kesan kepada bangsa Eropah (Seyyed Hossein Nasr, 2002)

## **KERAJAAN BANI ABBASIYAH**

Gerakan kerajaan: terbahagi kepada dua, iaitu secara sulit dan secara terbuka. Secara sulit: Bermula semasa pemerintahan Khalifah Umar bin Abd Aziz. Gerakan ini berselindung di bawah nama Bani Hasyim. Nama abbasiyah tidak dilahirkan supaya menarik perhatian Syiah dan mengelak perpecahan. Semakin lama, gerakan pemberontakan semakin aktif. Pemimpin pemberontakan Syiah Hasyim bin Muhammad meletak jawatan dan menyerahkan kuasa kepada Ali bin Abdullah pada tahun 98 hijrah. Dengan ini, secara tidak langsung Humaimah dijadikan sebagai pusat gerakan. Setelah berkembang, cawangan dibuka dan cawangan tersebut terletak di Kufah dan Khurasan. Berlaku perselisihan yang berpendapat supaya pemerintahan dikembalikan semula kepada keturunan Rasulullah ataupun Bani Hashim di daerah Kufah. Manakala di Khurasan pula gerakan lebih mudah kerana semasa pemerintahan Kerajaan Umayyah penduduk mendapat layanan yang teruk . oleh yang demikian, penduduk lebih mudah menerima ajaran atau pengaruh daripada gerakan ini. Kegiatan ini mula memuncak ketika zaman pemerintahan Khalifah Omar B Abd Aziz. beliau merupakan seorang yang sangat lemah lembut dan budi pekerti yang baik. Orang ramai mudah menerima gerakan ini disebabkan oleh pemerintah tersebut.

Secara terbuka: Pemimpin yang bernama Abu Muslim al-Khurasani memainkan watak utama dalam membina kerajaan ini. Beliau menawan Meru, iaitu sebuah ibu kota Khurasan. Pada ketika itu, Nassar bin Saiyaar yang bertindak sebagai gabenor Umayyah di Khurasan menyeru pertolongan dari Khalifah Marwan. Malangnya, beliau gagal mendapat sebarang bantuan lalu meninggal dunia tidak lama kemudian. Selepas itu, Abu al-Abbas mengisytiharkan dirinya sendiri sebagai khalifah pada tahun 750 M ataupun bersamaan 132H. Sebaliknya, Khalifah Marwan tidak berdiam diri dan melancarkan gerakan bersama 12000 tentera dari Harrah. Bagi memepertahankan gerakan Khalifah Marwan, Abdullah bin Ali menerajui gerakan Abbasiyah lalu bertembung di tebing kiri sungai Zab. Akhirnya, tentera Marwan mengalami kekalahan dan beliau melarikan diri sampai ke Mesir (Seyyed Hossein Nasr, 2002).

## RUMUSAN

Artikel ini telah membincangkan berkaitan dengan perkara yang diajarkan dalam Islam selain mengupas tentang permulaan Islam, dakwah, dan peperangan dalam zaman Islam awal. Selain itu keperibadian nabi Muhammad s.a.w. dikupas di samping menghuraikan demokrasi dalam Islam dan perbincangan ringkas zaman khalifah Umayyah dan kerajaan Bani Abbasiyah.

## RUJUKAN

- Azhar Zainal. 2009. <http://al-Islam.wikidot.com/rukun-iman>, (03.2009).
- Armstrong, Karen. 2002. *Islam A Short History*. New York: Random House Publishing Group.
- Abdul Latip Talib Perang Badar. 2010. *Islamic Novels*. PTS Litera Utama Sdn. Bhd
- Abdul Wahid Md Raji 2004. [http://www.netfision.com/demo/kiosk/riman3\\_wajib.html](http://www.netfision.com/demo/kiosk/riman3_wajib.html).
- Seyyed Hossein Nasr. 2002. *Islam Religion History and Civilization*. Harper Collins E-Book
- Mohd Nor Mohd. 2009. ([http://id.wikipedia.org/wiki/Kekhalifahan Umayyah](http://id.wikipedia.org/wiki/Kekhalifahan_Umayyah)).
- Umi khalthom, 2007. <http://answering-Islam.org/Nehls/tt1/tt6.html>
- Masoud Kheirabadi. 2005. *Religion of the World*. University of Chicago Divinity School, United States of America
- Sayyid Abul A'Ala Maududi. 1997. *Islamic Way of life*. Riyadh Saudi Arabia: International Islamic Federation of Student Organization.
- Hassan al-Moubarak. 2002., *Are you ready for Islam*, El Haqq Islamic Resource Centre Da'awah Committee.
- Muhammad 'Ali al-Hashimi '. 2007. *The True Islamic Personality*, Revised 2<sup>nd</sup> Edition, International Islamic Publishing House.